

17 AUG 2002

STRATEGI "GELOMBANG BIRU" BN TAWAN TERENGGANU

KUALA TERENGGANU, 17 Ogos (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) Terengganu akan melancarkan strategi baru yang dikenali sebagai "Gelombang Biru" dalam usaha meraih sokongan rakyat bagi merampas semula negeri itu daripada tangan PAS pada pilihan raya umum akan datang.

Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri, Datuk Idris Jusoh yang mengumumkan perkara itu hari ini bagaimanapun tidak menjelaskan ciri-ciri strategi itu.

Katanya, sebuah jawatankuasa yang dianggotai oleh semua parti komponen BN akan ditubuhkan bagi membincangkan strategi itu dan pelaksanaan program-programnya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas berakhir Konvensyen BN Terengganu 2002 di sini.

Beliau berkata strategi berkenaan dicadangkan oleh MCA negeri dan mendapat persetujuan semua 470 peserta yang menyertai konvensyen itu.

Konvensyen itu dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam.

-- BERNAMA

MRA MOZ